

MSWG

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

06 Nov 2015

KEMAS KINI MAKLUMAT PASARAN DAN KAWAL SELIA

BNM: PERATURAN MENGENAI SKIM OMBUDSMAN KEWANGAN

Bank Negara Malaysia ingin mengumumkan bahawa Peraturan Perkhidmatan Kewangan (Skim Ombudsman Kewangan) 2015 dan Peraturan Perkhidmatan Kewangan Islam (Skim Ombudsman Kewangan) 2015 (Peraturan) telah berkuat kuasa pada 14 September 2015. Peraturan ini yang disiarkan dalam Warta pada 11 September 2015, menyediakan peruntukan bagi kelulusan, pengawasan dan obligasi Skim Ombudsman Kewangan (Financial Ombudsman Scheme, FOS) di Malaysia.

Peraturan ini merintis jalan bagi penubuhan FOS sebagai sebahagian daripada usaha Bank Negara Malaysia untuk menambah baik pengaturan penyelesaian pertikaian kewangan bagi pengguna dan meningkatkan perlindungan pengguna.

Cadangan rangka kerja FOS yang merangkumi skop, keanggotaan, pendanaan, tadbir urus dan proses penyelesaian telah disiarkan pada 29 Ogos 2014 untuk mendapatkan maklum balas orang ramai dan 55 maklum balas yang diterima memperkukuh sokongan meluas terhadap cadangan itu. Komen dan cadangan khusus telah dimasukkan dalam Peraturan akhir serta pengendalian FOS.

FOS dijangka mula beroperasi pada suku pertama 2016. Pengguna boleh membawa pertikaian yang layak yang melibatkan penyedia perkhidmatan kewangan kepada FOS untuk penyelesaian

[Sumber: Pengumuman BNM di laman sesawang BNM pada 29 Oktober 2015]

[Pautan: http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_press&pg=en_press_all&ac=3283&lang=en]

STATISTIK PELABURAN LANGSUNG ASING DI MALAYSIA, 2014

Pada 2014, aliran Pelaburan Langsung Asing (FDI) merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM35.3 bilion (2013: RM38.2 bilion) untuk menjadikan kedudukan pada RM467.5 bilion pada akhir tempoh 2014 (2013: RM446.4 bilion). Sementara itu, pendapatan mencatatkan RM62.6 bilion pada 2014 (2013: RM56.9 bilion).

Aliran FDI mencatatkan aliran masuk bersih RM35.3 bilion pada 2014 terutamanya dijana daripada ekuiti & dana pelaburan saham RM30.3 bilion (2013: RM31.3 bilion) atau 85.8 peratus dan instrumen hutang mencatatkan RM5.0 bilion (2013: RM6.8 bilion) atau 14.2 peratus. Bagi kedudukan, nilai komponen ekuiti & dana pelaburan saham meningkat kepada RM429.2 bilion daripada RM414.1 bilion, iaitu pertambahan sebanyak RM15.1 bilion (3.6%). Instrumen hutang pula mencecah

kedudukan lebih tinggi pada RM38.4 bilion daripada RM32.3 bilion pada 2013. Pendapatan ekuiti dan dana pelaburan saham mencatatkan nilai RM62.1 bilion (99.3%) dan faedah RM0.5 bilion (0.7 %).

Lima negara pelabur teratas bagi aliran masuk pada 2014 ialah Singapura, Belanda, Hong Kong, Kepulauan Cayman dan Bermuda. Negara - negara ini merekodkan sejumlah RM22.4 bilion atau 63.4 peratus daripada jumlah aliran masuk di Malaysia. Merujuk kedudukan pada akhir 2014, sebahagian besar pelaburan FDI berpunca dari Singapura, Jepun, Belanda, Amerika Syarikat dan Norway yang berjumlah RM257.7 bilion atau 55.1 peratus daripada jumlah kedudukan di Malaysia. Dari segi pendapatan, Amerika Syarikat, Singapura, Belanda, Jepun dan Bermuda merupakan penyumbang utama pada 2014. Negara-negara ini merekodkan sejumlah RM39.0 bilion atau 62.3 peratus daripada jumlah pendapatan di Malaysia.

[Sumber: Pengumuman di laman web Jabatan Perangkaan Malaysia pada 30 Oktober 2015]

[Pautan:

https://www.statistics.gov.my/index.php?r=column/cthemByCat&cat=322&bul_id=ck4zZ2VCR3Z3QjRwNnMwNjdoK3g4QT09&menu_id=azJjRWpYLOVBYU90TVhpclByWjdMQT09]

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

XOX BERHAD (“XOX”)

Bursa Malaysia ingin menarik perhatian pelabur kepada kenaikan mendadak harga saham XOX baru-baru ini dan jawapan syarikat kepada pertanyaan Aktiviti Pasaran Luar Biasa (“UMA”) yang dikeluarkan oleh Bursa Malaysia pada 5 Oktober 2015 dan 26 Oktober 2015. Jawapan yang diberikan syarikat mengesahkan mereka tidak mengetahui tentang sebarang pembangunan korporat atau penjelasan yang boleh membawa kepada aktiviti dagangan yang luar biasa dalam sekuritinya.

Berhubung perkara di atas, Bursa Malaysia ingin menasihatkan pelabur supaya berhati-hati dan membuat keputusan termaklum dalam perdagangan saham XOX. Bursa Malaysia tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan kawal selia yang sesuai bagi memastikan dagangan saham XOX yang adil dan teratur.

[Sumber: Kenyataan media Bursa Malaysia di laman web Bursa Malaysia pada 2 November 2015]

KOMEN MSWG:

Walaupun XOX mengumumkan satu lagi latihan korporat untuk menyatukan dua (2) saham biasa dalam XOX yang bernilai RM0.05 setiap satu kepada satu (1) saham biasa baru dalam XOX bernilai RM0.10 setiap satu pada 2 November 2015, ini bermakna saham yang belum diselesaikan menjadi lebih kecil walaupun pada asasnya tiada perubahan. Oleh itu, kenaikan harga saham sebanyak 306% dalam tempoh 1 bulan daripada RM0.085 kepada setinggi RM0.345 tidak disokong oleh sebarang asas. Pelabur perlu memahami asas-asas syarikat sebelum melabur.

HUNZA PROPERTIES BERHAD (“Hunza”)

Khor Teng Tong Holdings Sdn. Bhd. mencadangkan kepada Hunza untuk menjalankan Pengurangan Modal dan Pembayaran Balik Terpilih (“SCR”) dengan menawarkan RM2.90 bagi setiap saham Hunza yang sedia ada.

Harga balasan SCR mewakili premium sebanyak 38.10% kepada harga penutup saham Hunza pada hari urusaniaga terakhir dalam pengumuman kepada Bursa. Ia juga mewakili nisbah Harga kepada

Buku (Price to Book ratio, PBR) sebanyak 0.83 kali berdasarkan Nilai Aset Bersih (“NAV”) belum diaudit yang disatukan pada 30 Jun 2015 iaitu RM3.49.

Harga balasan SCR mewakili Nisbah Harga Perolehan (“PER”) sebanyak 26.93 kali berdasarkan pendapatan bersih sesaham Hunza belum diaudit yang disatukan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2015 iaitu 10.77 sen.

KOMEN MSWG:

Sekiranya harga balasan SCR mengambil kira penilaian hartanah material Kumpulan Hunza, Nilai Aset Bersih yang Dinilai Semula (“RNAV”) sesaham adalah RM4.20. Harga balasan SCR adalah diskaun sebanyak RM1.30 atau 31% daripada RNAV itu. Harga SCR kelihatan tidak menarik dan pemegang saham perlu untuk mendesak untuk mendapatkan harga yang lebih baik supaya diselaraskan dengan RNAV itu.

[Sumber: Pengumuman Hunza di laman web Bursa Malaysia pada 23 Oktober 2015]

KULIM (MALAYSIA) BERHAD (“KULIM”)

Johor Corporation mencadangkan untuk mengambil alih Kulim melalui pengurangan modal dan pembayaran balik terpilih (“SCR”). Bayaran balik tunai yang dicadangkan (“CR”) ialah RM4.10 bagi setiap saham biasa bernilai tara RM0.25 dalam Kulim.

Berdasarkan harga terakhir yang diniagakan iaitu RM3.30, terdapat premium sebanyak 24.2% berbanding CR yang dicadangkan. Nisbah Harga-kepada-buku ialah 1.10 berdasarkan aset bersih sesaham disatukan yang belum diaudit pada 30 Jun 2015 bernilai RM3.74.

Tawaran itu akan dibuka untuk penerimaan Lembaga sehingga jam 5 petang pada 20 November 2015.

[Sumber: Pengumuman Kulim di laman web Bursa Malaysia pada 5 November 2015]

KOMEN MSWG:

Lembaga Pengarah perlu menilai cadangan itu sama ada untuk menerima tawaran itu bagi pihak pemegang saham minoriti.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini kecuali bagi XOX Berhad.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mSWG.ceo@mSWG.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.